

24 FEB 2003

NAM-Syria/I

SYRIA MAHU SEMUA KEPUTUSAN NAM DISUSULI

Oleh: Jackson Sawatan

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Syria mahu semua keputusan dan cadangan yang diputuskan pada Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini, disusuli bagi memastikan suara pergerakan itu terus kedengaran.

Naib Presiden Syria Abdul al-Halim ibn Said Khaddam berkata begitu banyak krisis dan isu yang perlu diselesaikan pada masa kini di mana NAM boleh memainkan peranan penting membantu usaha mencari penyelesaian.

"Begitu banyak krisis dihadapi di peringkat antarabangsa pada masa kini...Saya harap sidang kemuncak ini akan memberikan perhatian terhadap semua isu, khususnya isu hangat membabitkan negara yang ingin mendapatkan kebebasan dan kestabilan," katanya kepada Bernama dalam temubual di luar sidang kemuncak yang bermula hari ini.

Bercakap menerusi jurubahasa, Abdul al-Halim berkata semua resolusi dan keputusan yang dibuat perlu sentiasa disusuli.

Beliau berkata antara isu yang akan diberi penekanan oleh Syria adalah konflik Arab-Israel dan "kehadiran Amerika Syarikat yang mengancam seluruh Timut Tengah" dalam krisis Iraq.

Abdul al-Halim berkata perang yang mungkin dilancar oleh AS dan sekutunya terhadap Iraq adalah sebahagian daripada "projek Amerika" untuk menguasai bukan sahaja wilayah Arab tetapi seluruh Asia Barat.

Beliau berkata tindakan ketenteraan itu bukan sahaja melanggar kedaulatan Iraq tetapi juga "kedaulatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu" kerana PBB yang sepatutnya bertanggungjawab melaksanakan resolusi yang dibuat terhadap negara Arab itu.

Resolusi 1441 Majlis Keselamatan PBB mengkehendaki Iraq melucutkan senjata.

"Majlis itu yang mengeluarkan resolusi dan oleh itu (majlis) bertanggungjawab melaksanakannya," katanya.

Mengenai konflik Palestin, Abdul al-Halim mengulangi komitmen Syria menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk mencapai keamanan dan membebaskan wilayah mereka.

Beliau turut membidas AS kerana berdiam diri terhadap kekejaman yang dilakukan oleh Israel.

"Israel agresif terhadap orang Arab dan Palestin. Israel memiliki senjata pemusnah besar-besaran, apa tindakan dibuat AS terhadap isu ini? Ia (AS) terus menyokong Israel dan menghalang Majlis Keselamatan daripada membuat sebarang keputusan terhadap Israel," katanya.

Memang tugas PBB menjaga keamanan global, kata Abdul al-Halim semasa ditanya mengenai penempatan pasukan tentera pengaman di Palestin.

Naib Presiden Syria itu yang akan turut serta pada mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini Rabu ini, berkata, beliau menjangka mesyuarat itu akan menyokong Iraq sepenuhnya dan membantah sebarang tindakan ketenteraan terhadap negara itu.

Beliau sementara itu yakin Malaysia sebagai pengerusi NAM bagi tempoh tiga tahun akan datang boleh membuat susulan terhadap semua pendirian yang diambil pada sidang kemuncak kali ini.

Beliau turut memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai salah seorang pemimpin terkemuka dunia.

-- BERNAMA

JS MFJ MOZ